

UNTUK SIARAN SEGERA

1 APRIL 2018

TUKANG KRAF DAN PENGAMAL SENI DIKTIRAF SEBAGAI PELINDUNG WARISAN BUDAYA DI GEORGE TOWN

GEORGE TOWN: George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dengan kerjasama Image Farm Productions menghasilkan sebuah dokumentasi video yang merakamkan sumbangan 30 orang tukang kraf dan pengamal seni dalam pengekalan warisan budaya di George Town.

Sempena ulang tahun ke-10 Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, video ini disiarkan melalui tayangan percuma yang diadakan pada hari Ahad, 1 April 2018 dari jam 12.00 tengah hari hingga 5.15 petang bertempat di Majestic Theatre, George Town.

Dokumentasi video yang bertajuk 'The Artisans and Practitioners of George Town' ini telah didokumenkan sejak tahun 2015 dengan peruntukan sebanyak RM795,000 yang mendokumentasikan cara bekerja tukang kraf dan pengamal seni yang telah mendedikasikan masa dan titik peluh mereka dalam bidang perdagangan dan seni kraf sejak bertahun-tahun lalu.

Antara tukang dan pengamal seni yang didokumentasikan adalah tukang membaiki jam, tukang sadur elektrik, pakar optometri, tukang membuat barangan kanvas dan kulit, penganyam kraf rotan, tukang pembuat beca, tukang pembuat colok, tukang jahit, tukang pembuat mahjong, tukang kasut, tukang songkok, tukang emas, pengusaha dobi tradisional, tabib perubatan tradisional Cina dan penerbit kitab al-Quran.

Dr Ang Ming Chee, Pengurus Besar GTWHI berkata dokumentasi video ini yang merakamkan kehidupan seharian, cara bekerja dan persekitaran kerja tukang-tukang kraf ini dapat menggambarkan warisan kepelbagaian budaya dan nilai-nilai keunggulan sejagat George Town yang membawa pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008.

"Melalui pelaksanaan projek ini, kami berusaha sedaya upaya untuk memulihara dan mendokumentasikan proses serta merakamkan proses penghasilan seni bakat dan teknik-teknik warisi yang begitu ternilai ini. Demi melindungi dan mempertahankan keamanan komuniti, tukang kraf dan pengamal seni di George Town, pasukan kami berazam untuk melaksanakan strategi yang lebih berinovatif, berwawasan serta komprehensif supaya warisan budaya ini dapat dikekalkan.

"Tukang kraf dan pengamal seni yang teristimewa ini, dengan penuh dedikasinya, menggunakan seumur hidupnya untuk menyelami dan menyempurnakan seni kraf mereka serta menyediakan perkhidmatan dan barangan yang terbaik kepada komuniti tempatan dan pelancong-pelancong dari luar negara," kata Dr Ang di samping memaklumkan bahawa tayangan video ini juga dapat meningkatkan kesedaran orang awam terhadap warisan budaya di George Town.

Dr Ang juga menyeru pentingnya semua pihak untuk memberikan sokongan dalam usaha mengekalkan warisan budaya George Town dengan membeli produk barangan daripada tukang kraf atau menghayati sumbangan pengamal seni yang ternilai ini.

Selain itu, dokumentasi video ini juga boleh diakses di Pusat Interpretasi, GTWHI pada tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Tayangan Video	
12:00 – 12:45	Tukang kasut Pengusaha dobi tradisional Sesi soal jawab
12:45 – 13:30	Tukang emas Tukang songkok Sesi soal jawab
13:30 – 14:15	Tukang pembuat mahjung Tukang pembuat colok Sesi soal jawab
14:15 – 15:00	Tukang pembuat beca Penganyam kraf rotan Sesi soal jawab
15:00 – 15:45	Tukang jahit Tukang membaiki jam Sesi soal jawab
15:45 – 16:30	Tabib perubatan tradisional Cina (Sinseh) Tukang membuat barangan kanvas dan kulit Sesi soal jawab
16:30 – 17:15	Pakar optometri Tukang sadur elektrik Sesi soal jawab

Untuk mengetahui maklumat lanjut, sila hubungi:

Sim Jun Hui
George Town World Heritage Incorporated
T: 04-2616 6606 / 014-604 3125
E: junhuisim@gtwhi.com.my

Josephine Jalleh
George Town World Heritage Incorporated
T: 04-261 6606 / 017-446 5366
E: josephine@gtwhi.com.my